

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

➔ Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo

Felo Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM dan Pasukan Penggubal, Pelan Induk Johor Pusat Tamadun Melayu Global



Sejak abad ke-15, Johor telah menerajui perkembangan tamadun dan peradaban Melayu, dan sehingga kini ilmu serta amalan masih terserlah dan boleh dijadikan sumber rujukan masyarakat global”

Johor juga melahirkan ramai pemimpin intelek Melayu terunggul, antaranya Tun Seri Lanang, Prof Diraja Ungku Aziz dan Prof Ungku Omar yang menunjuk jalan pembinaan budaya intelek Melayu sejagat”

Citra tamadun Melayu masih terserlah di Johor dan boleh ditonjolkan sebagai contoh rujukan global”

Wawasan Johor Pusat Tamadun Melayu Global

Apabila Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menyarankan supaya disediakan sebuah Pelan Induk Johor sebagai Pusat Tamadun Melayu Global, ramai yang bertanya benarkah Johor menjadi pusat tamadun Melayu terawal, berkembang dan disebarkan di dunia Melayu.

Jika dilihat dari perspektif Kesultanan Melayu, kita dimaklumkan institusi Kesultanan Melayu Kedah mula menganut agama Islam sejak abad ke-12, sementara Kesultanan Melayu Johor hanya berkembang selepas kejatuhan kerajaan di Melaka pada abad ke-15.

Saya bertanya kepada Menteri Besar, apakah beliau berwawasan mewujudkan Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa atau Pusat Tamadun Melayu Johor bercitra global. Jawapan beliau ringkas, 'kalau orang mahu mengkaji Tamadun Melayu, bolehlah datang ke Johor'. Kenyataan beliau amat jelas maksudnya, Johor bukan tempat bermulanya tamadun Melayu, tetapi sejak abad ke-15, Johor telah menerajui perkembangan tamadun dan peradaban Melayu, dan sehingga kini ilmu serta amalan masih terserlah dan boleh dijadikan sumber rujukan masyarakat global. Sebagai seorang daripada ahli

pasukan pakar yang diberikan tanggungjawab untuk menjayakan pelan induk ini, saya amat tertarik dengan wawasan dan pandangan jauh beliau. Kami perlu menterjemahkan wawasan unggul ini sehingga menjadi kenyataan. Berasaskan perbincangan awal, kami bersepakat untuk menonjolkan Tamadun Melayu Johor daripada beberapa tujahan strategik berasaskan kandungan dan perspektif pelaksanaan.

Tujahan strategik meliputi kepemimpinan, persuratan, tradisi seni budaya serta ekonomi dan perdagangan, sementara tujahan pelaksanaan membabitkan data raya, pendidikan awam, 'governan' dan iltizam politik. Kepemimpinan Melayu, khususnya komponen institusi dan kesinambungannya sangat terserlah di Johor.

Istiadat berkembang segar
Institusi Kesultanan Melayu Johor dan adat istiadatnya masih berkembang segar sehingga hari ini di bawah naungan Undang-Undang Tubuh Negeri Johor, sementara kepemimpinan politik Melayu sejak Datuk Onn Jaafar pencetus UMNO dan kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajah, hinggalah ke beberapa generasi

pemimpin politik, termasuk Menteri Besar Johor semasa yang sentiasa memegang tradisi pemimpin masyarakat terhormat.

Saya melihat kepemimpinan Melayu di Johor tidak sahaja menyerlah dari perspektif institusi kesultanan dan politik, tetapi ia turut berkembang segar dalam kepemimpinan akademik atau intelek awam. Johor juga melahirkan ramai pemimpin intelek Melayu terunggul, antaranya Tun Seri Lanang, Prof Diraja Ungku Aziz dan Prof Ungku Omar yang menunjuk jalan pembinaan budaya intelek Melayu sejagat.

Pemimpin akademik Melayu
Walaupun hanya selepas merdeka, negara berjaya mengembangkan asas kepemimpinan akademik melalui pewujudan beberapa universiti awam pada awal 1970-an seperti UKM, USM, UPM dan UTM. Pada saat ini kita boleh berbangga dengan pencapaian menghasilkan ramai kepemimpinan akademik Melayu bertaraf global.

Saya yakin ramai daripadanya adalah anak jati Johor. Begitupun, masyarakat awam tidak mengenali mereka kerana budaya meraikan kepemimpinan intelek masih belum berkembang berbanding kepemimpinan politik dan seniman popular. Paling membebangsangkan ialah wujudnya ramai pemimpin akademik Melayu dalam bidang sains dan teknologi, khususnya dalam bidang perubahan, kejuruteraan dan sains tulen yang telah dan sedang meneroka di barisan hadapan pengetahuan, serta dihormati pada peringkat antarabangsa.

Sebagai contoh, Profesor Emeritus Tan Sri Zakri Abdul Hamid, Penasihat Sains Perdana Menteri adalah ahli sains terkemuka dunia dan tersenarai 100 individu paling berpengaruh dalam bidang Bioekonomi Termaju. Ramai lagi ilmuwan kita yang dikenali oleh rakan kesepakaran global, tetapi masih kurang dikenali umum di negara sendiri.

Ramadan baru-baru ini, saya dijemput oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizuddin Shah untuk

majlis iftar. Saya terpegun dan kagum dengan perjalanan majlis, bukan sahaja ia mempamerkan ketertiban yang tinggi, tetapi turut mempamerkan bagaimana seorang pemimpin negara menghormati ilmu dan ilmuwan. Sebelum berbuka puasa kami dijemput menghadap dan ketika itu baginda bertanya khabar dan pembabitan akademik kepada setiap tetamu yang diundang.

Selepas majlis solat tarawih berjemaah pula, kami sekali lagi diundang untuk berbincang isu semasa. Selama hampir dua jam, baginda mendengar hujah golongan ilmuwan mengenai keberkesanan pendidikan bahasa dan isu cadangan pindaan Perlembagaan.

Terpancar kepuasan pada setiap wajah tetamu apabila baginda menunjukkan minat dan rasa hormat kepada setiap pandangan yang dikemukakan. Inilah contoh pemimpin terbilang yang perlu menjadi ikutan semua pemimpin negara, daripada pemimpin komuniti, ilmiah, korporat mahupun ahli politik.

Citra tamadun Melayu masih terserlah di Johor dan boleh ditonjolkan sebagai contoh rujukan global. Ia bukan sahaja rekod sejarah zaman kegemilangan institusi kepemimpinan, perkembangan budaya dan tradisi sejak beberapa abad silam, tetapi amalannya diteruskan sehinggalah sekarang.

Paling menarik ialah pembangunan intelek Melayu sejak negara mencapai kemerdekaan, iaitu komponen yang masih belum diketengahkan sebagai tamadun Melayu moden. Inilah ajakannya wawasan Johor Pusat Tamadun Melayu Global.

Serangan Daesh di Eropah menyedarkan negara benua itu perlunya ada pelan menghalang belia Muslim menyertai militan berkenaan. Malah, negara Islam seperti Malaysia yang turut mengambil langkah menanganinya perlu melakukannya secara berterusan, kata Profesor di Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani. Ikuti lupasannya, esak